

24 MAR 2003

Mahathir-NAM/I

NAM BENTUK PENDAPAT UMUM MENENTANG PEPERANGAN

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Malaysia akan cuba membentuk pendapat umum di semua negara termasuk Amerika Syarikat supaya menentang peperangan di Iraq, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau memberitahu Dewan Rakyat hari ini bahawa sebenarnya, sebahagian besar penduduk dunia termasuk rakyat Amerika dan British sendiri, menentang peperangan secara unilateral pimpinan Amerika terhadap Iraq yang memasuki hari kelima hari ini.

Perdana menteri juga menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya Malaysia ingin mencari keuntungan daripada usahanya membentuk pendapat umum supaya menentang perang itu.

"Apa yang kita mahu ialah keamanan dunia. Jika wujud keamanan, Malaysia akan bertambah makmur, tapi peperangan bodoh ini secara sia-sia akan melemahkan ekonomi dunia dan langkah yang diambil ini tidak akan sama kejayaannya dengan jika tiada peperangan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas membentangkan usul mengutuk pencerobohan terhadap Iraq yang diterajui oleh Amerika.

Dr Mahathir berkata badan-badan bukan kerajaan dan kesatuan sekerja juga sepatutnya menulis kepada rakan sejawatan mereka di Amerika dan Britain untuk meminta mereka mempengaruhi kerajaan masing-masing supaya menghentikan serangan terhadap rakyat Iraq yang kekurangan makanan dan perubahan akibat sekatan yang dikenakan kepada negara itu sejak 12 tahun lepas.

Dr Mahathir, yang sedang bercuti selama dua bulan hingga 4 Mei, turut ditanya tentang rancangan beliau berhubung pembentukan pendapat umum itu.

Menjawab pertanyaan tersebut, Perdana Menteri berkata beliau akan menulis surat peribadi kepada rakan-rakannya di Amerika dan Britain termasuk NGO dan kesatuan sekerja di sana bagi meminta mereka menentang peperangan yang berlaku di Iraq.

Katanya, media barat terutama di Amerika, tidak memberi gambaran sebenar tentang pendapat umum di seluruh dunia mengenai perang itu.

"Contohnya, apabila tunjuk perasaan diadakan di seluruh dunia termasuk oleh sejuta orang di London, apa yang ditunjukkan ialah gambar demonstrasi di Baghdad...sudah tentulah ia tidak membawa sebarang erti.

"Kita akan cuba pengaruhi pendapat umum di Britain dan Amerika supaya mereka dapat sedikit sebanyak mempengaruhi kerajaan masing-masing," katanya.

Ditanya adakah Malaysia tidak takut kepada Amerika, Dr Mahathir menjawab secara sinis dengan berkata sebagai negara yang berkuasa, sudah tentulah Amerika ditakuti oleh negara kecil.

"Mereka mampu memulas tangan dengan pelbagai cara, bukan saja melalui serangan, mereka boleh mengenakan sekatan dan pelbagai cara lagi.

"Saya masih ingat apabila saya menyatakan sesuatu yang tidak begitu diterima baik oleh Amerika suatu masa dulu, mereka mula meminta rakyat mereka supaya jangan melabur di Malaysia.

"Jadi kita terdedah (kepada tindakan mereka), kita negara yang lemah, kita tidak mampu berperang, malah kita tidak berdaya mempertahankan diri jika serangan ekonomi dilancarkan terhadap kita, jadi sudah tentulah kita takut," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau menjangka ketegasan Malaysia dalam mengutuk tindakan kerajaan Amerika dan sekutunya melancarkan serangan terhadap Iraq

akan mengakibatkan tindakan balas dikenakan terhadap negara ini, Perdana Menteri berkata besar kemungkinan, perkara ini akan berlaku.

"Tapi, sekiranya kita hanya diam membisu, maka saya rasa kita tidak menghormati dan jujur kepada diri sendiri," katanya.

-- BERNAMA

ERE HS SP MAI